LEM/AM/18
10 Oktober 1994

# PERMOHONAN MENDAPATKAN PENGECUALIAN / PENDAFTARAN KILANG AMANG DARIPADA DILESEN DI BAWAH PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (KILANG AMANG KECIL) (PENGECUALIAN) 1994

AELB
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24,Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-89284100/89267699
Faks : 03-89223685
Homepage: http://www.aelb.gov.my

LEM/AM/18
10 Oktober 1994

# PERMOHONAN MENDAPATKAN PENGECUALIAN / PENDAFTARAN KILANG AMANG DARIPADA DILESEN DI BAWAH PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (KILANG AMANG KECIL) (PENGECUALIAN) 1994

## PENGENALAN

Di bawah Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994, mana-mana pekilang amang boleh memohon untuk mendapat pengecualian / pendaftaran daripada dilesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

## SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON?

Semua pekilang amang adalah layak memohon untuk mendapatkan pengecualian / pendaftaran ini.

## BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMOHON?

Mana-mana pekilang amang yang ingin mendapatkan pengecualian / pendaftaran ini hendaklah mengisi borang LPTA/BPPK/2 yang boleh dibeli di pejabat LPTA. Borang yang telah lengkap diisi, hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah LPTA.

## TINDAKAN LPTA SELEPAS MENERIMA PERMOHONAN

Semua permohonan pengecualian / pendaftaran akan dinilai terlebih dahulu oleh LPTA untuk menentukan sama ada kilang tersebut boleh diberi pengecualian ataupun tidak di bawah perintah ini. Jika kilang itu boleh diberi pengecualian, maka ia akan didaftarkan dan satu sijil pengecualian / pendaftaran akan dikeluarkan.

## ADAKAH KEMUNGKINAN TARAF PENGECUALIAN / PENDAFTARAN INI DITARIK BALIK?

Di bawah pengecualian / pendaftaran ini, pekilang perlu beroperasi mengikut panduan yang dikeluarkan oleh LPTA iaitu LEM/TEK/ 37 bertajuk *Panduan Perlindungan Sinaran Untuk Kilang Amang Kecil.* Dokumen ini boleh dibeli di pejabat LPTA. Taraf pengecualian / pendaftaran akan hilang secara automatik apabila operasi kilang amang itu tidak mengikut Panduan ini.

## MAKLUMAT LANJUT

Sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan pengecualian / pendaftaran ini, bolehlah menghubungi:

Ketua Pengarah,
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
(U.P.: Bahagian Penilaian)
Tel: 03-89284100/89267699
Fak:03- 89223685

**NEXT >>**

LEM/AM/18
10 Oktober 1994

Contoh muka hadapan Borang LPTA/BPPK/2

**LEMBAGA PERLESENAN TENGA ATOM**
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN** INOVASI

**BORANG PERMOHONAN UNTUK PENGECUALIAN / PENDAFTARAN KILANG AMANG KECIL**

| **BORANG LPTA/BPPK/2** | **KILANG AMANG KECIL** |
|---|---|

Borang permohonan ini hendaklah dipenuhkan dalam 2 salinan dan dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan

**CATATAN**

Gunakan lampiran tambahan jika perlu.

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Tarikh Terima Permohonan:

Nama Pegawai Penilai :

Keputusan Permohonan : ☐ Lulus ☐ Gagal

Sama ada Sijil Pengecualian / Pendaftaran telah dihantar kepada pemohon sekiranya permohonan diluluskan.

☐ Sudah ☐ Belum

Catatan:

**BACK >>**